

23/12/1998

Kempen dilanjutkan jika ada sambutan

KUALA LUMPUR, Selasa - Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia (HDAM) hanya akan melanjutkan Kempen Pemilikan Rumah selepas 12 Januari ini, jika mendapat sambutan baik pembeli dan pemaju.

Presidennya, Datuk Eddy Chen Lok Loi, berkata HDA juga akan mengambil kira faktor jumlah unit rumah atau bangunan yang belum terjual, sebelum memutuskan mengenai perlanjutan kempen.

Menurutnya, maklum balas awal yang diterima menunjukkan kempen itu berjaya dengan semakin ramai pembeli membuat tempahan selain pemaju yang turut mendapat limpahannya.

"Banyak syarikat pemaju sudah mencatatkan kadar jualan yang baik. Kami menjangka sehingga akhir tahun ini lebih banyak unit dapat dijual," katanya ketika dihubungi.

Sebelum ini, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh, dilaporkan berkata Kempen Pemilikan Rumah mungkin dilanjutkan jika mendapat sokongan HDAM dan institusi kewangan.

Menurutnya, kementerian dimaklumkan kempen itu berjaya merencanakan semula pertumbuhan sektor hartanah yang sejak setahun lalu melalui zaman lesu.

Kempen sebulan bermula 12 Disember lalu dianjurkan oleh HDAM dan bank tempatan. Idea kempen itu dicetus oleh kerajaan dan diperakukan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN). Ia dilancarkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Chen berkata, pihaknya menerima cadangan dari pembeli dan pemaju yang mahukan kempen itu dilanjutkan kerana menyedari ia memberi banyak faedah.

"Pembeli mahu kempen itu dilanjutkan kerana dapat memberi lebih masa kepada mereka untuk membuat keputusan dan memilih projek perumahan yang sesuai," katanya.

Sementara itu, Pengurus Pemasaran Bandar Sungai Buaya Sdn Bhd, Ibrahim Rahmat berkata, cadangan melanjutkan tempoh kempen itu memang baik tetapi ia tidak perlu diadakan terlalu lama.

"Biarlah kempen itu dianjurkan dalam tempoh singkat kerana ia mampu bertindak seperti `sinergi' bagi merencanakan kegiatan sektor hartanah," katanya ketika dihubungi di sini.

Ibrahim berkata, Bandar Sungai Buaya bersama tiga lagi projek perumahan yang bernaung di bawah Land and General Berhad, merekodkan jualan lebih 100 unit pelbagai jenis rumah dalam tempoh 10 hari pertama pelancaran kempen itu.

Pengurus Kanan Jualan dan Pentadbiran Syarikat Kajang Prima Sdn Bhd, Thien Tien Soong, berkata sambutan yang diterima setakat ini amat baik malah meningkat berbanding bulan sebelumnya.

(END)